

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic
Partners:



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Philippines



Hanseo University
Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjualan
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com

Covid-19 merupakan sebahagian daripada pandemik penyakit koronavirus 2019 (COVID-19) yang sedang melanda seluruh dunia berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Penyakit ini amatlah bahaya dan tidak harus dipandang remeh kerana telah meragut ribuan nyawa di seluruh dunia.

Sehubungan dengan isu pandemik Covid-19 yang semakin berleluasa ini pelbagai kempen telah dijalankan untuk mengekang wabak ini dari terus merebak secara drastik. Pelbagai poster dan info grafik yang menarik dilihat memenuhi setiap ruang platform komunikasi demi untuk memberi kesedaran tentang bahayanya wabak ini. Dalam masa yang sama juga terdapat ramai pengkarya seni seluruh dunia tidak terlepas dari turut sama untuk memberi sumbangan kesedaran kepada masyarakat melalui hasil seni dan interpretasi yang tersendiri. Setidak-tidaknya hasil seni yang dipersembahkan itu dapat memberi keinsafan dan kewaspadaan bahawa betapa pentingnya aspek kesihatan yang perlu dititikberatkan setiap masa demi kesejahteraan kehidupan yang sangat mencabar dewasa ini.

Tema covid-19 dipilih sebagai interpretasi pendekatan seni pengkarya atas dasar ingin turut sama berkempen walaupun hanya melalui sebuah arca. Sebelum meneruskan pembuatan ini beberapa lakaran idea arca telah dibuat setelah mengkaji struktur asal virus covid-19. Pengkarya telah mengolah struktur asal virus kepada beberapa bentuk yang dimujaradkan. Setelah meneliti lakaran-lakaran yang dibuat pengkarya telah memilih untuk meneruskan idea dengan memberi tumpuan khusus kepada stem virus covid-19 melalui pendekatan baru.

Mesej yang cuba ingin disampaikan di sebalik bentuk stem-stem yang timbul menajam ini ialah walaupun kelihatan menarik dengan nilai estetik yang tinggi tetapi ianya sangat merbahaya dan bertepatan dengan sifat virus itu sendiri. Unsur warna juga sangat penting dalam menzahirkan arca ini. Warna-warna seperti merah, hitam dan kelabu dipilih untuk memberi kesan kontra terhadap keseluruhan bentuk arca. Penggunaan warna merah pada bahagian stem virus yang telah diolah menjadi tajam bukan sahaja dapat menarik perhatian malah dapat


mewujudkan kesan kontra dan dramatik di antara warna gelap. Ia juga melambangkan sifat masyarakat pelbagai bangsa yang masih bebas dan tidak celik akan bahayanya virus ini sehingga melupakan aspek keselamatan diri sendiri dan orang lain. Struktur bentuk yang berwarna hitam dan kelabu pula bertujuan bagi mewujudkan sisi suram untuk mengingatkan tentang nilai nyawa setiap insan kerana menjadi mangsa virus ini.

Pemilihan media yang bersesuaian sangat penting dalam menghasilkan karya yang stabil dan kukuh dalam tempoh yang lama. Pelbagai media telah dipilih dan diuji untuk digunakan bagi menghasilkan arca ini. Setelah mencuba guna pelbagai media pengkarya telah memutuskan untuk menggunakan mounting board sebagai media asas arca ini. Hal ini kerana pengkarya berpuas hati dengan kualiti arca yang dihasilkan dan merasakan ia lebih mudah untuk dihayati. Pengkarya menggunakan mekanisma tanggam bagi mencantumkan setiap kepingan bentuk dalam menghasilkan arca ini. Orientasi permulaan penghasilan adalah dengan memotong kepingan kecil yang akan dicantumkan bagi menghasilkan struktur penuh arca. Struktur bentuk yang lebih kecil dihasilkan terlebih dahulu kemudian dimasukkan struktur bentuk yang lebih besar demi memelihara keaslian virus tersebut walaupun telah diolah menjadi mujarad. Bagi pengkarya walaupun arca yang dihasilkan dalam bentuk mujarad namun interpretasi terhadap virus ini tetap sama demi memberikan satu persepsi yang berbeza kepada pemerhati melalui pernyataan seni yang baru.

Konklusinya, tujuan arca ini dihasilkan bukan sahaja untuk menjadi tatapan penonton malah untuk menyampaikan mesej tegas bagi memberi kesedaran kepada masyarakat yang sentiasa mengambil mudah setiap aspek berkaitan pandemik ini. Ini adalah satu usaha murni yang ingin disumbangkan oleh pengkarya dalam membantu untuk memutuskan rantaian Covid-19 dalam pernyataan seni terkini selain turut mengajak masyarakat agar sentiasa mematuhi perintah kerajaan untuk sentiasa kekal di rumah dan patuhi SOP yang ditetapkan.

Mohamad Arif Ikhwan Hishammudin Mohd Zamri Azizan

Sesak 1




MOHAMAD ARIF IKHWAN HISHAMMUDIN
Sesak 1

8 in x 8 in x 8 in
Mixed Media

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1



9 789672 948131

